



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 11 JANUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LATIHAN PRAKTIKAL BANTU LAHIR PELADANG MODEN, MUKA SEPULUH, BH -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	MARDI SEDIA KAJI SEMULA PENYELIDIKAN BAWANG, NASIONAL, BH -41	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3. 4.	BLUEFIN BONGKAR RAHSIA LAUT DALAM, CETUSAN, SH -17 DIGITISATION CAN HELP AGRICULTURAL SECTOR REAP BETTER GAINS, LETTERS, NST -15	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/1/2020	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

Latihan praktikal bantu lahir peladang moden

Cadangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mewujudkan peluang kepada anak peladang menjalani latihan praktikal di kementerian atau jabatan bersesuaian, patut dipuji. Dengan ada latihan sebegitu, ia dapat memberi pendedahan kepada potensi dan teknologi dalam bidang pertanian.

Ibu bapa yang juga warga tani atau nelayan, pasti menghantar anak hingga ke universiti supaya mendapat pekerjaan yang lebih menjanjikan. Dengan kata lain, mereka tidak mahu anak mengulangi nasib sama.

Kita percaya pertanian ada potensi menjana pendapatan lebih besar. Tambah pula, kerajaan menggalakkan petani meningkatkan kaedah pertanian secara moden. Peluang latihan praktikal itu boleh membuka mata siswazah anak tani yang bijak terhadap kemajuan seperti teknologi perladangan digital.

Namun, jangan mekanisme penempatan itu dibuat secara tangkap muat. Kita mahu MOA membuat kajian terperinci supaya setiap siswazah dapat membawa pulang pengalaman dan pengetahuan itu ke kampung masing-masing.

Bawang merah India naik harga

MARDI sedia kaji semula penyelidikan bawang

Langkah kurangkan bergantung sumber dari negara luar

Oleh Amin Ridzuan Isbak
aminridzuan@bh.com.my

Serdang: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mempertimbangkan pelaksanaan penanaman bawang bagi membantu mengurangkan bergantungn Malaysia dengan ne-

gara luar.

Kebergantungan itu menyebabkan bekalan terutama bawang merah terjejas sejak September tahun lalu apabila negara pengimpor seperti India menghentikan penghantaran ke Malaysia akibat cuaca tidak menentu dan pilihan raya negara berkenaan, selain memberi tumpuan kepada keperluan rakyatnya.

Ia turut memberi kesan kepada harga bawang yang didakwa meningkat sehingga RM24 sekilogram seperti dilaporkan di Pulau Pinang yang membebaskan pengguna.

Pengarah Pusat Penyelidikan Hortikultur MARDI, Dr Johari Sarip, berkata agensi itu pernah melaksanakan penyelidikan bawang

pada 1980-an hingga 1990-an, selain kajian teknologi antaranya berkaitan keperluan iklim dan tanah, penyediaan anak semaian serta sistem penanaman di ladang.

Katanya, kajian mendapati ia tidak ekonomik dilaksanakan pada waktu itu memandangkan kos penanaman tinggi, harga jualan ladang kurang menguntungkan dan serangan penyakit seperti kulat *Ptylophora porri*, *Albenaria porri*, reput pangkal, penyakit bintik daun, *yellow dwarf*, serta kutu *thrips*.

"Kita mempertimbangkan untuk melaksanakan semula penyelidikan berdasarkan situasi pada masa kini, antaranya peningkatan

permintaan terhadap bawang di Malaysia yang berlaku masalah apabila bekalan dari luar terhad, selain mengelak aliran keluar wang negara.

"Mengambil kira kepakaran MARDI dalam tanaman hortikultur termasuk sayuran, kita boleh membantu untuk melihat semula keperluan pengetahuan bawang pada peringkat nasional.

"Fokus kajian boleh diberikan kepada saringan beberapa variasi baharu yang sesuai dengan cuaca negara kita, selain mengurangkan kos pengeluaran seperti kepatatan tanaman, mekanisasi, pertanian tepat, kehilangan sebum dan lepas tuai serta kawalan penyakit," katanya kepada BH di pejabatnya di sini, semalam.



Johari Sarip

Mengulas lanjut, Johari berkata, kajian dilaksanakan MARDI sebelum ini mendapati empat negeri sesuai ditanam bawang iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

"Ia dapatan pada waktu terbahagi dan kajian lanjut perlu dilakukan bagi melihat sama ada bawang juga boleh ditanam di negeri lain bagi membolehkan penanaman dilakukan secara besar-besaran untuk memenuhi permintaan tinggi.

"Penanaman bawang perlu cuaca tidak terlalu panas bagi mengelak cepat matang dan tidak boleh digunakan lagi, mungkin suhu sesuai sekitar 25 darjah Celsius," katanya.

Bluefin bongkar rahsia laut dalam



ILMU
KEJURUTERAAN
DARIPADA
AL-QURAN

DR MUHIDIN ARIFIN

Ikan tuna sirip biru atau bluefin seberat 276 kilogram (kg) yang ditangkap di Lautan Pasifik Utara oleh nelayan Jepun berjaya dijual pada harga 193.1 juta yen (RM7.4 juta) di pasar Tokyo baru-baru ini. Sesungguhnya, penjualan itu menimbulkan pertanyaan berapa banyakkah rahsia kekayaan khazanah laut dalam?

Januari tahun lalu, seekor bluefin seberat 278kg yang ditangkap di Laut Jepun berhampiran Wilayah Utara Aomori, Jepun pula dijual pada harga tarikan tertinggi 333.6 juta yen (RM12.7 juta). Kedua-dua transaksi penjualan tersebut melibatkan Kiyomura Corporation, pengendali rangkaian restoran sushi terbesar di Jepun.

Armada nelayan Jepun menggunakan kaedah penangkapan ikan berteknologi tinggi dilengkapi alat pengesan sonar dan jaring pukat dompet terbesar. Mereka sentiasa menguasai Laut Jepun dan Lautan Pasifik Utara dan Selatan.

Mereka sentiasa memburu ikan tuna bluefin yang digelar 'Pacific Bluefin'. Permintaan tinggi syarikat gergasi makanan laut seperti Nippon Suisan Kaisha dan Maruba Nichiro Corporation menyebabkan harga bluefin sentiasa melambung tinggi.

Industri perikanan laut dalam sebenarnya satu kegiatan penangkapan ikan menggunakan pelbagai teknologi termasuk pukat tunda dasar di pesisiran sejauh antara 200 dan 2,000 meter di luar pantai melebihi 30 batu nautika dengan kedalaman antara 400 dan 500 meter sebagaimana ditetapkan Majlis Antarabangsa Eksplorasi Laut dan Organisasi Makanan dan Pertanian.

Kegiatan ikan laut dalam di Malaysia dengan skala besar hasil ilham Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1987 melibatkan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif merangkumi perairan laut seluas 548,800 kilometer persegi di sekeliling Semenanjung Malaysia dan 250,000 kilometer persegi di perairan Sabah dan Sarawak.

Namun sehingga kini, Jabatan Perikanan Malaysia bersama Pusat Pembangunan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC) menjelaskan belum ada ikan tuna atau pelagik dikesan di luar pantai Sabah atau Sarawak. Industri penangkapan ikan laut dalam sebenar-

Laut dalam masih merupakan misteri bagi manusia."

nya menyumbang 20 peratus atau melebihi 300,000 tan bernilai lebih RM1.7 bilion daripada jumlah keseluruhan permintaan ikan di pasaran atau RM8.5 bilion setahun. Perak, Selangor dan Johor adalah antara negeri pengeluar terbesar ikan laut dalam.

Kekayaan khazanah lautan telah diungkapkan dalam al-Quran menerusi surah an-Nahl ayat 14 yang bermaksud: "Dan, Dia-lah, ALLAH yang menundukkan lautan (untukmu) agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan) dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai; dan kamu melihat bahtera berlayar padanya dan supaya kamu mencari (keuntungannya) daripada kurnia-Nya, dan supaya kamu bersyukur".

Hingga saat ini, laut dalam masih merupakan misteri bagi manusia. Penelitian di laut dalam sendiri hingga saat ini jarang diterokai. Pada 2010, kelompok peneliti Indonesia dan Amerika bekerjasama untuk mengungkap misteri laut dalam di perairan Sangihe

Talaud menerusi ekspedisi INDEX SATAL 2010. Ekspedisi itu berjaya merungkai tentang lapisan kegelapan, kehidupan haiwan dan tumbuhan dalam kegelapan di bawah laut dan gunung api yang menyemburkan panasnya. Gunung api itu ditelaah bakal menjadi sumber mineral dan tenaga pada depan.

Iusteru, penulis menyarankan kerajaan segera menggunakan teknologi terkini seperti *Lighting-up Dark Fishing Fleets* bagi memantau aktiviti penangkapan ikan laut secara lebih efisien.

Malaysia juga harus mula menggunakan teknologi *Satellites and ship-based automated identification Systems (AIS)*, teknologi *Visible Infrared Imaging Radiometer Suite (VIIRS)* dan diperkasakan oleh data raya kebangsaan bagi mengawasi, mengenal pasti dan mengesan kegiatan kapal nelayan asing di perairan Malaysia.

Khazanah laut dalam Malaysia mempunyai kekayaan tidak tertutug yang belum diterokai. Penulis berharap kerajaan bersedia melabur dalam pembangunan teknologi laut dalam untuk menerokai khazanah kekayaan laut.

* *Profesor Madya Ir-Dr. Muhidin Arifin ialah Pengarah Institut Kejuruteraan Sukan, Pusat Kecemerlangan Universiti Selangor*

SUSTAINABLE FARMING

Digitisation can help agricultural sector reap better gains

PALM oil can be found in a variety of products like soaps, cosmetics and biscuits. It is an important commodity in Southeast Asia, particularly in Malaysia.

Back in 2018, Malaysia produced over 19.5 million tonnes of crude oil palm from a planted area of 5.8 million hectares. The total export of palm oil and palm-based products was 25.2 million tonnes, which generated export earnings of RM67.5 billion.

But palm oil has encountered a lot of negative headwinds regarding how its farming practices have resulted in deforestation.

Expanding plantations lead to deforestation, which is a great threat to biodiversity in Malaysia. The need of the hour is sustainability.

Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad believes strongly in Malaysia's commitment to sustainable development and reiterated at the Malaysia Sustainable Development Goals Summit in 2019 that it will remain central to the government's policies and strategies.

The best way to ensure and maintain sustainability practices in agriculture is through digitisation. Digital management of agriculture helps plantations become more efficient, easy to supervise and less dependent on manual labour.

When technologies are incorporated across the value chain, productivity increases over the various stages of growth and terrain. FarmERP, a future-ready agricultural ERP platform, has always had a sustainable framework and is aligned with the Sus-

professionally. They should then be able to map out the land, tree and farm infrastructure through GeoTagging. Through GeoTagging every tree and capturing their coordinates, the company will be able to maintain important tree-viss data.

Plantations are remotely located and cover a huge area — areas with little to no internet connectivity.

A software platform with a native mobile application will allow field executives, supervisors or agricultural engineers to visit the farm and record data without relying on connectivity. The observations recorded can then be sent to an agronomist who would advise on what action needs to be taken based on the crop growth data.

Apart from agricultural data, the agriculture platform also helps in finance and accounting. With the help of this software platform and the data it captures, the company can easily create a crop and plot-wise profit and loss account.

A leading smart agriculture management ERP software platform to leverage the power of smart agriculture is necessary to achieve higher efficiency, higher yields, higher profitability and complete traceability.

Through digitisation, climate risks can be mitigated and with the help of forecast data, the profitability of Malaysian agriculture will also increase.

SANJAY BORKAR, CEO, co-founder and Santosh Shinde, COO & co-founder, FarmERP, Maharashtra, India



New technology can help farmers manage their crops and land better.

tainable Development Goals of the United Nations.

The aims:

SUSTAINABLE RICE DEVELOPMENT: Using climate-resilient intelligence, we can help farmers and agricultural stakeholders utilise the right amount of water and, in the long run, conserve water as well as grow rice without depleting the soil.

ZERO HUNGER: The goal is to think how we grow, share and consume food because, if done right, agriculture, forestry and fisheries will be able to provide nutritious food for all. Along with this, it will be able to generate decent incomes while supporting and sustaining people-centred rural development and environ-

ment protection. **CLIMATE ACTION:** Climate change is affecting the lives of every individual, no matter the country or continent they are from. With dramatic weather patterns, rising sea levels and weather-related catastrophes becoming more extreme, it has become common knowledge that greenhouse gas emissions are now at its highest level in history. This affects agriculture and farmers the most.

In the Malaysian market, a digital agriculture management platform should be able to increase productivity, profitability and sustainability of the plantation companies and agricultural stakeholders.

The aim should be to digitise processes and offer climate-

smart advisory that can be customised according to requirements.

Currently, big plantation companies manage crops by relying on legacy systems like SAP, Microsoft Dynamics, and Oracle but they aren't specialised in the agricultural sector. This results in dependence on various devices and software.

With the inclusion of an advanced ERP platform, a company should be able to easily integrate with their existing legacy systems, creating a smooth and streamlined process.

An ERP platform should be able to record data from the tree level, which will help agriculture stakeholders make better decisions and manage plantations more